

Dr Mahathir bentang

BH 6 JUL 2001

KUALA LUMPUR, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membayangkan kemungkinan akan membentangkan sendiri Belanjawan 2002 pada sidang Dewan Rakyat Oktober ini.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, tidak menjadi masalah baginya untuk berbuat demikian kerana pernah membentangkan Belanjawan 1999 di Parlimen pada 1998.

Malah, katanya, beliau akan turut mempengerusikan mesyuarat dialog pra-Belanjawan yang dijadualkan bermula minggu depan, walaupun sibuk dengan tugas lain.

Bercakap pada sidang akh-

bar selepas menyampaikan ucapan dan berdialog di majlis Konvensyen Sains 2001 di Seri Kembangan, dekat sini hari ini, Dr Mahathir bagaimanapun tidak memberi bayangan kemungkinan melantik Menteri Kewangan yang baru, menggantikan Tun Daim Zainuddin yang meletak jawatan bulan lalu.

Beliau juga tidak memberi bayangan kemungkinan melantik Menteri Kewangan Kedua dalam tempoh terdekat ini bagi membantunya mempengerusikan mesyuarat dialog pra-Belanjawan itu nanti.

Berikut adalah soal jawab antara Dr Mahathir dengan wartawan:

Wartawan: Seperti biasa, dialog pra-Belanjawan akan diadakan tidak lama lagi. Adakah Datuk Seri selaku Menteri Kewangan akan mempengerusikan beberapa siri mesyuarat itu nanti?

Dr Mahathir: Ya...akan diadakan selama tiga hari.

Wartawan: Adakah Datuk Seri mempunyai masa untuk berbuat demikian sedangkan Datuk Seri banyak lagi tugas lain untuk negara, yang juga penting?

Dr Mahathir: Yang ini saya kena cari masalah, kerja saya.

Wartawan: Mungkin Datuk Seri memerlukan pembantu?

Dr Mahathir: Saya ada pembantu...timbangan menteri

(kewangan) ada, pegawai ada.

Wartawan: Mungkin perlu dilantik Menteri Kewangan yang baru atau Menteri Kewangan kedua? (Ketika ini semua yang hadir di bilik sidang akhbar termasuk Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, gelak).

Dr Mahathir: (turut gelak)...ahhh itulah (niat sebenar wartawan, nak korek berita). Dia (wartawan) sampai ke situ dah. Anda ada cadangan? Ada sesiapa?

Wartawan: Bila agaknya... (wartawan sebenarnya ingin bertanya bila pelantikan akan dibuat jika ada, tetapi Perdana Menteri cepat mencelah dengan mengaitkan soalan itu

Belanjawan 2002

kepada dialog pra-Belanjawan. Dr Mahathir: Dah tetap. Pagi ini saya dapat taklimat, minggu depan.

Wartawan: Apakah perlu pelantikan Menteri Kewangan Kedua untuk membantu Datuk Seri?

Dr Mahathir: Anda tak berapa percaya sangat saya punya kebolehan (gelak)... (menyebabkan) anda berasa susah hati. Bolehlah...saya bergantung kepada orang lain juga.

Wartawan: Datuk Seri rasa sebagai Menteri Kewangan, akan tetap mempengerusikan mesyuarat pra-Belanjawan dan akan turut membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan

Rakyat Oktober ini?

Dr Mahathir: eh, saya biasa bentang dah belanjawan dulu, 1998 saya bentang belanjawan.

Wartawan: Jadi, kali ini pun Datuk Seri akan bentang Belanjawan itu?

Dr Mahathir: Malaysia boleh, Dr Mahathir pun boleh, bolehlah.

Daim meletakkan semua jawatannya dalam kerajaan termasuk parti selaku Bendahari Agung Umno, berkuat kuasa mulai 1 Jun lalu. Sejak itu, sekurang-kurangnya dalam lima acara yang dihadapinya, Dr Mahathir diajukan soalan berkaitan oleh pihak media.

Di SHAH ALAM, Perdana Menteri berkata, beliau tidak merasakan beban menjalankan tugas sebagai Menteri Kewangan kerana mendapat bantuan ramai orang.

"Saya rasa media tidak yakin kebolehan saya mengendalikan kementerian... sentiasa bertanya bila saya akan melantik Menteri Kewangan.

"Apa yang pasti apabila pelantikan dibuat, kita akan umumkan. Mungkin dalam tempoh sebulan, dua bulan, tiga bulan, setahun atau mungkin bila-bila masa," katanya pada sidang akhbar selepas melawat kilang Proton, di sini hari ini.